



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TINJAUAN KEFAHAMAN WARNA DALAM PEMBELAJARAN
PENDIDIKAN SENI DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR
TINGKATAN 2**

KASRAN BIN HJ. MAT JIDDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI SYARAT
PENGANUGERAHAN SARJANA PENDIDIKAN (SENI)**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM
PERAK DARUL RIDZUAN**

APRIL 2003



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Pengakuan.

Bahawasanya saya mengaku sesungguhnya tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya catatkan sumbernya.

03 April 2003



KASRAN BIN HAJI MAT JIDDIN
Nombor Pendaftaran: 2000-0141





PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya, akhirnya dapat saya menyiapkan tesis ini. Oleh itu pada kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kepada semua pihak yang terlibat secara langsung memberi semangat, nasihat, bimbingan dan sokongan kepada saya.

Setinggi penghargaan saya ucapkan kepada penyelia utama Profesor Madya Haji Iberahim Bin Hassan, AMN yang mana telah memberi nasihat, pandangan dan tunjuk ajar sehingga tesis ini disempurnakan.

Saya juga berterima kasih kepada penyelia terdahulu Dr. Soeprapto Soedjono yang sudi menyelia penulisan tesis ini pada peringkat awal. Segala nasihat, bimbingan, dorongan serta jasa baik beliau amat saya hargai.

Tidak dilupakan juga, saya tujukan ucapan terima kasih kepada semua pensyarah di Fakulti Seni dan Muzik Universiti Pendidikan Sultan Idris, yang mana melalui pandangan dan teguran mereka untuk saya menyiapkan tesis ini.

Penghargaan juga kepada pengetua, rakan-rakan guru Pendidikan Seni dan pelajar-pelajar di sekolah yang menjadi tempat ujian rintis dan kajian dijalankan. Ucapan terima kasih tidak terhingga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi dorongan dan pandangan sepanjang penyediaan tesis ini.

Akhir sekali buat isteri Sopia Lee serta anak-anak Hanis Nabihan, Muhammad Fahim, Muhammad Naim dan Yasmin Farhana sememangnya doa, restu dan pengorbanan kalian sungguh bermakna dalam menyudahkan tesis ini.

Kasran Bin Haji Mat Jiddin
Sitiawan, Perak Darul Ridzuan



ISI KANDUNGAN

Muka Surat

TAJUK.....	i
PENGAKUAN.....	ii
PENGHARGAAN.....	iii
ISI KANDUNGAN.....	iv
SENARAI RAJAH.....	ix
SENARAI JADUAL.....	x
SENARAI GAMBAR	xiii
ABSTRAK.....	xiv
ABSTRACT.....	xv

BAB 1 -PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Pernyataan Masalah.....	5
1.3 Tujuan Kajian	8
1.4 Soalan Kajian.....	8
1.5 Kepentingan Kajian.....	9
1.6 Hipotesis Kajian.....	9
1.7 Batasan Kajian.....	10
1.8 Definisi Istilah.....	12

BAB 2 - TINJAUAN BAHAN BACAAN

2.1 Pengenalan	14
2.2 Kajian Warna	14
2.2.1. Warna dalam bentuk pigmen	15
2.3 Pendekatan Teori dan Model-model Berkaitan.....	17
2.3.1 Teori Pembelajaran Gagne.....	17
2.3.2 Teori Gestalt dan Hukum Pragnans.....	20

2.4	Kerangka Teori Kajian.....	22
2.5	Konsep Warna Dalam Pembelajaran Pendidikan Seni Peringkat Menengah Rendah.....	25
2.6	Peranan Warna Dalam Pembelajaran Mata Pelajaran Pendidikan Seni	27
2.6.1	Warna Sewarna.....	30
2.6.2	Warna Harmoni.....	31
2.6.3	Warna Penggenap.....	32
2.7	Rumusan.....	32

BAB 3 - METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan.....	33
3.2	Reka Bentuk Penyelidikan.....	33
3.2.1	Pemboleh ubah	34
3.2.2	Populasi.....	34
3.2.3	Sampel Kajian.....	35
3.3	Kaedah Kajian.....	37
3.3.1	Kaedah Soal Selidik.....	37
3.3.2	Kaedah Pemerhatian.....	42
3.3.3	Kaedah Temu bual.....	44
3.3.4	Kaedah Analisis Dokumen.....	44
3.4	Kajian Rintis.....	45
3.5	Data Penyelidikan.....	46
3.6	Prosedur Kajian.....	46
3.7	Olahan Data.....	48
3.7.1	Pengukuran Darjah Pencapaian.....	48
3.8	Pengesahan Alat Ukur.....	51

BAB 4 - HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan.....	53
4.2	Laporan Keputusan Soal Selidik.....	53

4.2.1	Maklumat Am Pelajar	54
4.2.2	Keputusan Respons Pelajar Terhadap Warna Cat Air	55
4.2.3	Rumusan Respons Pelajar Terhadap Warna Cat Air..	62
4.2.4	Keputusan Pengetahuan Dan Kefahaman Pelajar Tentang Konsep Warna.....	63
4.2.5	Rumusan Pengetahuan Dan Kefahaman Pelajar Tentang Konsep Warna.....	71
4.2.6	Perbandingan Skor Pengetahuan Dan Kefahaman Pelajar Tentang Warna Di Tiga Buah Sekolah Menengah Yang Dikaji.....	72
4.2.7	Keputusan Konsep Dan Matlamat Warna Dalam Pembelajaran (Bahagian A).....	75
4.2.8	Rumusan Keputusan Konsep Dan Matlamat Warna Dalam Pembelajaran Bahagian A.....	81
4.2.9	Perbandingan Keputusan Konsep Dan Matlamat Warna Dalam pembelajaran Di Tiga Buah Sekolah Yang Dikaji.....	82
4.2.10	Keputusan Konsep Dan Matlamat Warna Dalam Pembelajaran (Bahagian B).....	83
4.2.11	Rumusan Konsep dan Matlamat Warna Dalam Pembelajaran (Bahagian B)	88
4.3	Kesimpulan Analisis Data Soal Selidik.....	90
4.4	Laporan Pemerhatian.....	93
4.4.1	Pemerhatian di SMK A.....	94
4.4.2	Pemerhatian di SMK B.....	109
4.4.3	Pemerhatian di SMK C.....	122
4.5	Kesimpulan Pemerhatian.....	135
4.6	Laporan Temu bual.....	138
4.6.1	Respons Pelajar Terhadap Warna Cat Air.....	138

4.6.2 Pengetahuan Dan Kefahaman Pelajar	
Tentang Konsep Warna.....	143
4.6.3 Konsep Dan Matlamat Warna Dalam	
Pembelajaran.....	144
4.6.4 Kejayaan Pelajar Dalam Asas Kemahiran	
Mewarna.....	146
4.7 Kesimpulan Temu bual.....	148
4.8 Laporan Analisis Dokumen.....	149
4.8.1 Analisis Markah Latihan.....	150
4.9 Kesimpulan Analisis Dokumen.....	151
4.10 Rumusan Analisis Statistik Dan Kualitatif.....	152
 BAB 5 - KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1 Pendahuluan.....	155
5.2 Ringkasan Kajian.....	155
5.3 Dapatan Kajian.....	157
5.4 Perbincangan Dapatan	158
5.5 Kesimpulan.....	161
5.6 Batasan Yang Dikenal Pasti Sesudah Kajian.....	163
5.7 Cadangan Mempertingkatkan Pengetahuan Dan	
Kemahiran Mewarna.....	164
5.8 Cadangan Penyelidikan Susulan	165
 BIBLIOGRAFI.....	167
 LAMPIRAN A: Surat Kebenaran Bahagian Perancangan Dasar dan	
Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan	
Malaysia.	
 LAMPIRAN B: Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Perak.	



- LAMPIRAN C: Surat Memohon Kebenaran Menjalankan Kajian Di Sekolah
- LAMPIRAN D: Soal Selidik Tinjauan Kefahaman Warna
- LAMPIRAN E: Panduan Soalan Temu bual (Semi Struktur)
- LAMPIRAN F: Borang Markah Latihan
- LAMPIRAN G: Enrolmen Murid dan Bilangan Kelas Pelajar-pelajar Tingkatan
Dua Sekolah-sekolah Menengah di Daerah Manjung
- LAMPIRAN H: Borang Pemerhatian
- LAMPIRAN I: Kriteria Borang Pemerhatian
- LAMPIRAN J: Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni
Tingkatan 2 (Sifat dan Fungsi Unsur-unsur Seni :
Warna)
- LAMPIRAN K: Huraian Kegiatan Pendidikan Seni Tingkatan 2
(Sifat dan Fungsi Unsur-unsur Seni : Warna)
- LAMPIRAN L: Model CIPP Untuk Hala Tuju Penyelidikan
- LAMPIRAN M: Catatan Temu bual Dengan Guru SMK B
(Encik Mohd Zaini Pada 14.10.2002)
- LAMPIRAN N: Catatan Pemerhatian Dan Temu bual di SMK A
(Encik Hamzah Hassan Pada 6.8.2002)
- LAMPIRAN O: Catatan Temu bual Dengan Pengetua SMK A
Pada 5 Ogos 2002 (Puan Jaya Moly a/p Siva)
- LAMPIRAN P: Catatan Analisis Dokumen Profil Guru 25 Ogos 2002
- LAMPIRAN Q: Catatan Pemerhatian SMK C
- LAMPIRAN R: Senarai Gambar





SENARAI RAJAH

Muka Surat

Rajah 2.1	Model Teori Pembelajaran Gagne	18
Rajah 2.2	Model Proses Pengamatan Melalui Organ Deria (mata)	21
Rajah 2.3	Model Daniel L. StuffleBean & John Hattie (2002)	23
Rajah 2.4	Model Keberkesanan Pengajaran Dalam Pendidikan Seni	23
Rajah 2.5	Model Warna Dalam Pembelajaran Pendidikan Seni	24



**SENARAI JADUAL****Muka Surat**

Jadual 3.1	: Jumlah Sampel Daripada Suatu Populasi	36
Jadual 3.2	: Bilangan Pelajar Pendidikan Seni Tingkatan Dua Di Tiga Buah Sekolah Menengah Daerah Manjung Dan Taburan Persampelan Kajian	37
Jadual 3.3	: Objektif Item Konsep Dan Matlamat Warna Dalam Pembelajaran (Bahagian A)	41
Jadual 3.4	: Objektif Item Konsep Dan Matlamat Warna Dalam Pembelajaran (Bahagian B)	42
Jadual 4.1	: Maklumat Am Pelajar	54
Jadual 4.2	: Skor Respons Pelajar Terhadap Warna Cat Air	56
Jadual 4.3	: Respons Pelajar Terhadap Warna Cat Air	56
Jadual 4.4	: Peratus Respons Pelajar Terhadap Warna Cat Air	60
Jadual 4.5	: Perbandingan Min Respons Pelajar Terhadap Warna Cat Air Di Tiga Buah Sekolah Yang Dikaji	60
Jadual 4.6	: Skor Pengetahuan Dan Kefahaman Pelajar Tentang Warna Di Tiga Buah Sekolah Menengah Daerah Manjung	64
Jadual 4.7	: Skor Peratusan Pengetahuan Dan Kefahaman Pelajar Tentang Konsep Warna	70
Jadual 4.8	: Skor Peratusan Pengetahuan Dan Kefahaman Pelajar Tentang Konsep Warna Di Tiga Buah Sekolah	74





Jadual 4.9 :	Skor Keputusan Konsep Dan Matlamat Warna Dalam Pembelajaran Bahagian A	76
Jadual 4.10 :	Skor Pengetahuan Terhadap Konsep Dan Matlamat Warna Dalam Pembelajaran	77
Jadual 4.11 :	Faktor Perancangan Dan Persediaan	78
Jadual 4.12 :	Respons Pelajar Terhadap Persekitaran	80
Jadual 4.13 :	Skor Peratus Konsep Dan Matlamat Warna Dalam Pembelajaran (Bahagian A) Di Tiga Buah Sekolah Yang Dikaji	81
Jadual 4.14 :	Skor Peratus Konsep Dan Matlamat Warna Dalam Pembelajaran (Bahagian A) di SMK A, SMK B dan SMK C	82
Jadual 4.15 :	Skor Konsep Dan Matlamat Warna Dalam Pembelajaran Di Tiga Buah Sekolah Yang Dikaji	84
Jadual 4.16 :	Respons Pelajar Terhadap Pengetahuan Teknik Mewarna (Bahagian B)	85
Jadual 4.17 :	Respons Pelajar Terhadap Konsep Dan Matlamat Warna Dalam Pembelajaran (Bahagian B)	86
Jadual 4.18 :	Skor Pemboleh Ubah Persekitaran Terhadap Konsep Dan Matlamat Warna Dalam Pembelajaran Bahagian B	87
Jadual 4.19 :	Skor Konsep Dan Matlamat Warna Dalam Pembelajaran (Bahagian B)	89
Jadual 4.20 :	Jadual Pemerhatian Di SMK A	94



Jadual 4.21 :	Jadual Pemerhatian Di SMK B	109
Jadual 4.22 :	Jadual Pemerhatian Di SMK C	122
Jadual 4.23 :	Taburan Markah Latihan Mewarna	150



SENARAI GAMBAR

A. Catan Air Pelajar Dari SMK A – Gubahan Warna Sewarna

Gambar 1: Pemandangan – Warna Sewarna
Latihan Pada Bulan Ogos 2002
Markah : 63/100 (Gred B)

Gambar 2: Pemandangan – Warna Sewarna
Latihan Pada Bulan Ogos 2002
Markah : 32/100 (Gred C)

B. Catan Air Pelajar Dari SMK B – Suasana Memancing

Gambar 3: Pemandangan – Latihan Mewarna
Latihan Pada Bulan September 2002
Markah : 35/100 (Gred C)

Gambar 4: Pemandangan – Latihan Mewarna
Latihan Pada Bulan September 2002
Markah : 75/100 (Gred A)

C. Catan Air Pelajar Dari SMK C – Landskap Dan Reka Corak

Gambar 5: Pemandangan – Latihan Mewarna
Latihan Pada Bulan Oktober 2002
Markah : 78/100 (Gred A)

Gambar 6: Reka Corak – Latihan Mewarna
Latihan Pada Bulan Oktober 2002
Markah : 72/100 (Gred B)





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meninjau kefahaman warna di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah Tingkatan 2 dalam pembelajaran Pendidikan Seni. Kajian ini melihat respons pelajar menggunakan warna cat air dan tahap pengetahuan mereka tentang konsep warna dalam pembelajaran Pendidikan Seni. Sampel terdiri daripada 242 pelajar dan 3 buah sekolah menengah harian di Daerah Manjung, Perak Darul Ridzuan. Strategi persampelan yang digunakan ialah rawak mudah. Soal selidik, borang pemerhatian, senarai temu bual separa berstruktur dan borang analisis dokumen digunakan sebagai instrumen kajian. Kaedah statistik deskriptif telah digunakan dan hanya melibatkan peratusan dan jumlah min. Analisis faktor ujian kebolehpercayaan Cronbach-Alpha telah juga digunakan. Data yang dikutip melalui instrumen pemerhatian dan temu bual disusun mengikut data soal selidik. Data daripada analisis dokumen memfokuskan kepada keputusan markah yang diperoleh pelajar selepas sesi pemerhatian. Dapatan menunjukkan pelajar-pelajar Tingkatan 2 di sekolah menengah yang dikaji memberikan respons positif tentang pembelajaran warna cat air. Kajian juga mendapati pelajar berpengetahuan dan memahami konsep warna dalam pembelajaran Pendidikan Seni. Pengetahuan dan kefahaman pelajar dikenal pasti berpunca daripada faktor guru, bahan-bahan rujukan sedia ada dan hasil koleksi kerja mewarna terdahulu. Kajian mendapati pelajar berada dalam lingkungan sederhana dalam aktiviti mewarna. Faktor sikap pelajar itu sendiri adalah penyebab kepada kurang mahir semasa pelajar mewarna. Faktor guru tidak opsyen dan kemudahan bilik seni mempengaruhi asas kemahiran mewarna pelajar. Kesimpulan kajian ini mendapati bahawa pelajar berpengetahuan tentang warna tetapi kurang mahir mewarna.



ABSTRACT

The purpose of this study was to examine the understanding of colours among Form 2 students in art lessons. It was to find out responses of students in using water colours and the level of their knowledge pertaining to the concept of colours. Data collection was done using survey method. The sample consisted of 242 students and 3 daily secondary schools in the District of Manjung, Perak Darul Ridzuan. A sample random method was used. Questionnaires, observation form, semi-structured interview list and document analysis form were used as instruments for this study. The statistical method used was percentage and mean. The Crobach-Alpha analysis factor test of reliability has also been used. The data collection from the observation form and interviews were compiled according to questions set in the questionnaires. Data from the document analysis showed results acquired by students after the observation session. The result showed that Form 2 students in the secondary schools gave a positive response to the water colour lessons. The study also concluded that the students were knowledgeable and understood the concepts of colours during art lessons. These knowledge and understanding were derived from the teachers, material references and collection of previous artworks. The study showed that students were average in colouring. Attitude of the students were the main cause for their lack of colouring well. Non-optional art teachers and the well equipped art room influence the students' basic colouring skill. In conclusion, the study showed that the students are knowledgeable about colours but were less skillful in colouring.



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan Seni merupakan sebahagian di dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), bermaksud pendidikan seni tampak. Ia ditujukan ke arah melengkapkan perkembangan diri seseorang melalui nilai peribadi individu dan pemupukan kesedaran terhadap kegunaan seni sebagai sumbangan kepada warisan budaya dan identiti bangsa, negara kita Malaysia (Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah Pendidikan Seni, 1988). Dalam usaha mencapai hasrat tersebut, segala aspek pengetahuan dan kemahiran seharusnya perlu diberikan kepada pelajar semasa mereka di bangku sekolah.



Mata pelajaran Pendidikan Seni secara formal di sekolah-sekolah vernakular Melayu telah bermula di negara ini semenjak tahun 1917 di zaman penjajahan British (Chelliah, D.D 1960) dipetik daripada Zaharah (1993:42). Menurut Chelliah lagi pada ketika itu mata pelajaran seni adalah diwajibkan di sekolah rendah negeri-negeri Selat; dengan menjadikan kraf anyaman bakul kandungan utama kurikulumnya. Ini bermakna kemahiran telah diterapkan pada peringkat awal lagi dalam sistem pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Seni di negara ini.

Setelah melalui peredaran masa dan kemajuan, mata pelajaran Pendidikan Seni telah dijadikan mata pelajaran teras peringkat Menengah Rendah dan mata pelajaran elektif di peringkat Menengah Atas. Kandungan Kurikulum Pendidikan





Seni disusun dengan mengandaikan bahawa setiap pelajar berkemampuan berhubung dengan yakin melalui seni (Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah Pendidikan Seni, 1988). Hassan (1997) menambah melalui Pendidikan Seni pelajar akan dapat mengimbangi perkembangan mental, tidak memberatkan unsur-unsur logik semata-mata. Hasilnya kelak, Pendidikan Seni dapat melahirkan manusia yang kreatif dalam menghasilkan sesuatu gerak kerja atau ciptaan dalam sesuatu bidang pekerjaan.

Kandungan kurikulum berdasarkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (selepas ini di rujuk sebagai KBSM) mata pelajaran Pendidikan Seni berasaskan tiga bidang utama iaitu:

- Asas Seni reka
- Organisasi Rekaan
- Pemahaman dan Penghargaan



(Sumber: Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni)

Daripada ketiga-tiga bahagian di atas, Asas Seni reka diberi penumpuan pada peringkat Menengah Rendah khususnya Tingkatan Satu dan Tingkatan Dua. Asas Seni reka diberikan penumpuan kerana untuk memastikan pelajar memperoleh asas seni yang kukuh dalam memupuk pemikiran kreatif pelajar bersama-sama dengan nilai-nilai keindahan dan kebaikan (Buku Panduan Guru Tingkatan Satu Pendidikan Seni, 1988).

Sebahagian besar kegiatan pembelajaran Pendidikan Seni peringkat Menengah Rendah ini adalah menggalakkan penerokaan, inkuiri dan eksperimen





nilai ekspresif Unsur-unsur Seni melalui penggunaan alat dan bahan (Huraian Sukatan). Mat Desa (2000:68) menyatakan untuk mengenali dan memahami Unsur Seni merupakan pengetahuan asas yang penting kepada mereka yang ingin mengaplikasikan kefahaman untuk menghasilkan kerja seni dalam pelbagai teknik. Teknik-teknik yang digunakan boleh memberi pelbagai kesan terhadap penghasilan kerja-kerja seni oleh pelajar. Kurikulum Pendidikan Seni memperuntukkan masa sebanyak 80 minit seminggu di peringkat Menengah Rendah untuk pelajar mempelajari Asas Seni Reka sebelum mereka berada di Peringkat Menengah Atas.

Asas Seni reka merupakan satu gagasan yang besar untuk diterokai. Salah satu daripada elemen yang penting dalam Asas Seni reka ialah Unsur-unsur Seni. Pengetahuan pelajar berkaitan unsur seni dianggap dapat membantu pembelajaran dengan lebih efisien kerana gabung jalin pengetahuan dan kemahiran digunakan sekali.

Unsur-unsur Seni menurut Leonardo Widya (2002) adalah seperti berikut:

- Garisan
- Warna
- Jalinan
- Rupa
- Bentuk
- Ruang





Daripada enam Unsur Seni yang dinyatakan, Unsur Seni Warna menjadi pilihan penyelidik untuk kajian. Menurut Jan Kunz (1989) warna berperanan menghidupkan suasana. Menurut beliau lagi kesemua keperluan menghasilkan lukisan, catan dan reka bentuk memerlukan kemahiran tentang pemilihan warna.

Menurut Boyle dalam Hassan (1999) warna turut memainkan peranan penting dalam reka bentuk multimedia. Warna yang sesuai membuahkan kesan yang positif kepada persepsi pelajar. Warna ialah unsur yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia. Lingkaran hidup manusia sentiasa berubah, dari alam kanak-kanak sehingga dewasa dan situasi setempat merupakan antara faktor perubahan dalaman dalam memilih warna.

Alias Yusof dan Azrina Azhan (1997) menyatakan pemilihan sesuatu warna tidak dapat bertahan lama kerana setiap kali perasaan bosan maka perlulah membuat perubahan sesuai dengan konsep semasa. Ini menunjukkan warna dapat menggerakkan emosi manusia. Justeru itu ia memberi kesan secara tidak langsung ke atas fizikal dan psikologi manusia. Kesan psikologi yang ketara ialah dapat membangkitkan perasaan, suasana, rasa, menambah cita rasa dan seterusnya memberi kesan kepada tingkah laku. Kesan psikologi inilah yang perlu dipupuk pada peringkat awal lagi. “Warna ialah bahasa”. Itulah tafsiran Siti Zainon Ismail (Alias Yusof dan Azrina Azhan, 1997). Warna bagi Siti Zainon Ismail mempunyai pengertian sendiri serta mempunyai unsur-unsur psikologi dan falsafah yang tinggi.





1.2 Pernyataan Masalah

Pengalaman merupakan sumber masalah yang paling utama bagi penyelidik (Mohamad Najib, 1999) membuat kajian. Kebanyakan masalah yang dialami oleh guru-guru mata pelajaran Pendidikan Seni merupakan masalah yang sama dialami di mana-mana sekolah. Menurut Zakaria (1984:22) mata pelajaran Pendidikan Seni dianggap tidak penting oleh sebilangan pelajar. Pendapat ini disokong dengan kajian rintis Iberahim (2000) di kalangan pelajar antaranya Pendidikan Seni tidak memberi faedah, membosankan, tiada peperiksaan tidak perlu belajar. Malahan lebih ketara lagi menurut Mat Desa (2000:68-72) mata pelajaran Seni Visual atau Pendidikan Seni kurang meyakinkan. Ini bermakna jika dibiarkan mata pelajaran tersebut mungkin tidak mempunyai nilai dalam kurikulum.



Penghasilan Seni memberi peluang kepada pelajar mengaplikasikan kefahaman mereka untuk menghasilkan kerja seni berdasarkan Asas Seni reka dalam pelbagai teknik kemahiran. Apa yang penting menurut Alvin Toffler dalam Mat Desa (2000:68) terdapat tiga kemahiran perlu dilalui pelajar iaitu;

- Kemahiran pembelajaran
- Kemahiran pemahaman dan peningkatan
- Kemahiran Memilih,

Dalam pembelajaran Pendidikan Seni kemahiran seperti yang dinyatakan perlu dipupuk terhadap pelajar agar mereka tahu menggunakannya kelak. Pusat Perkembangan Kurikulum (1996:2) dalam menggariskan Sukatan Pelajaran Minimum Pendidikan Seni Tingkatan 4 dan 5 KBSM yang dikeluarkan





laporannya terdapat 17 permasalahan dikenal pasti di kalangan pelajar. Antara masalah yang berkaitan ialah:

- Pelajar tidak menyediakan peralatan yang diperlukan semasa pembelajaran seni dijalankan.
- Pelajar masih tidak berminat walaupun dorongan dan kemudahan disediakan.
- Pelajar menganggap Pendidikan Seni tidak penting kerana tiada peperiksaan awam peringkat Menengah Rendah.
- Pelajar tiada keyakinan kebolehan sendiri.



Fokus kajian ini ialah untuk meninjau respons pengetahuan dan pemahaman pelajar berkaitan konsep warna dalam pembelajaran Pendidikan Seni. Dalam konteks ini warna boleh dikaitkan dengan unsur seni yang lain. Permukaan yang rata dengan menggunakan warna boleh menghasilkan jalinan tampak. Begitu juga peranan warna secara langsung memberikan ilusi bagi karya-karya dua dan tiga dimensi (Ruzitah Tapah dan Hassan , 2000:9-12).

Warna yang dikaitkan dalam Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Tingkatan Dua berupa kajian pada alam dan benda buatan manusia dari aspek Warna Sewarna, Warna Harmoni dan Warna Penggenap. Ini meliputi juga pengetahuan pelajar berkaitan fungsi dan nilai warna dalam Huraian Sukatan Pelajaran sebagai batasan.





Dalam kemahiran mewarna, sesetengah guru puas hati kerana pelajar boleh mewarna dengan baik secara teknikal terutama pelajar-pelajar yang mempunyai minat yang tinggi terhadap seni lukis. Walau bagaimanapun sebilangan guru yang lain tidak berpuas hati terhadap kemahiran mewarna kerana masih ada pelajar yang tidak tahu mencampurkan warna, malah tidak mahu mencubanya (PPK 1996). Kajian Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (1996:109) mendapati pelajar lelaki apabila mewarna, warnanya kurang kemas. Perkaitan isu kemahiran mewarna ini timbul kerana ianya mempengaruhi hasil kerja mewarna pelajar. Ada juga pelajar tidak membawa alatan melukis apabila sampai masa untuk melukis. Pelajar juga terlalu sukar hendak mengubah cara kemahiran mewarna yang telah mereka pelajari di sekolah rendah.



Objektif Sukatan Mata Pelajaran Pendidikan Seni secara umumnya mengarah kepada pembangunan minda dan kestabilan emosi, berkaitan juga dengan pembinaan budaya. Maka untuk itu pengetahuan dan kefahaman tentang warna dimasukkan dari aspek warna dan budaya serta warna dan perasaan. Jika ini berjaya disampaikan maka perluasan perasaan pelajar menerusi kebebasan penggunaan warna dan sapuan berus secara spontan, ekspresif dan agresif tidak lagi dianggap tidak betul (Muliyadi Mahamood, 2000)

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, satu tinjauan pemahaman warna dalam pembelajaran Pendidikan Seni dirasakan perlu dilakukan untuk mendapatkan jawapan daripada soalan-soalan kajian berkaitan permasalahan yang dinyatakan.





1.3 Tujuan Kajian

Penyelidikan ini dilakukan dengan tujuan berikut:

- 1.3.1 Meninjau respons penggunaan warna cat air dalam pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Seni di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan Dua.
- 1.3.2 Meninjau pengetahuan dan pemahaman pelajar Tingkatan Dua terhadap konsep warna dalam mata pelajaran Pendidikan Seni .
- 1.3.3 Meninjau pengetahuan dan pemahaman pelajar mengaplikasikan warna cat air untuk menghasilkan kerja seni tampak di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan Dua.

1.4 Soalan Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk menjawab soalan-soalan kajian seperti berikut:

- 1.4.1 Apakah respons pelajar-pelajar Tingkatan Dua terhadap kefahaman penggunaan warna cat air?
- 1.4.2 Sejauh mana tahap pengetahuan dan pemahaman pelajar Tingkatan Dua terhadap konsep warna dalam mata pelajaran Pendidikan Seni?
- 1.4.3 Adakah pelajar mengetahui dan memahami cara mengaplikasikan warna cat air ketika menghasilkan hasil kerja seni tampak?





1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah untuk mengumpul maklumat dan memberi gambaran sebenar bagi membantu usaha-usaha memantapkan program pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Seni di sekolah-sekolah menengah.

1.5.1 Dapatan kajian ini diharapkan membantu guru-guru mata pelajaran Pendidikan Seni peringkat Menengah Rendah memberi kefahaman kepada pelajar-pelajar Tingkatan Dua pentingnya peranan warna dalam mata pelajaran Pendidikan Seni.

1.5.2 Dapatan kajian diharap dapat memberi gambaran sebenar tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar tentang warna yang perlu diberikan pada peringkat Menengah Rendah.

1.5.3 Kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat bahawa mata pelajaran Pendidikan Seni dengan segala aspeknya perlu diambil perhatian oleh semua pihak.

1.5.4 Dapatan kajian ini diharap merupakan bahan pengetahuan baru kepada ilmu pengetahuan yang boleh digunakan oleh institusi pendidikan yang lain.

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan kepada tujuan dan soalan kajian yang dikemukakan, terdapat beberapa hipotesis untuk kajian ini iaitu:





- 1.6.1 Respons terhadap pemahaman dan kepekaan pelajar-pelajar Tingkatan Dua menggunakan warna cat air dapat diketahui.
- 1.6.2 Terdapat perubahan sikap pelajar yang signifikan dalam kerja seni tampak terutamanya yang berkaitan dengan pengetahuan dan kefahaman warna.
- 1.6.3 Terdapat perbezaan signifikan terhadap pengetahuan dan kefahaman mengaplikasikan warna cat air di kalangan pelajar selepas pembelajaran sesuatu topik berkaitan warna.

1.7 Batasan Kajian

1.7.1 Tempat Kajian:

Cadangan kajian dijalankan terhadap pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tingkatan Dua di Daerah Manjung, Perak Darul Ridzuan.

1.7.2 Sampel Kajian:

Pemilihan sampel kajian terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan Dua dari Tiga (3) buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Manjung. Tiga buah sekolah yang dipilih kerana mempunyai taburan pelajar yang sekata daripada bilangan kaum dan jantina. Sampel kajian tidak melibatkan guru yang mengajar semasa tinjauan dibuat. Seramai 242 orang pelajar digunakan untuk menjawab soal selidik. Sebanyak 3 buah kelas digunakan untuk tujuan pemerhatian dari tiga (3) buah sekolah yang terpilih. Jumlah bilangan sampel ditentukan sendiri oleh pihak guru mata pelajaran.





1.7.3 Tumpuan Kajian:

Tumpuan kajian adalah untuk melihat respons pelajar terhadap warna cat air. Pengetahuan dan kefahaman warna pelajar dilihat berdasarkan penggunaan warna cat air semasa tinjauan dibuat.

1.7.4 Penggunaan Warna:

Penggunaan warna dalam kajian ini khusus kepada warna cat air sahaja. Jenama cat air tidak diutamakan sebaliknya hanya melihat kemahiran teknik mewarna menggunakan cat air. Pemilihan warna ini adalah bersesuaian dengan tajuk pembelajaran dan teknik yang lazim digunakan oleh pelajar. Rancangan pengajaran disediakan sendiri oleh guru dan akan digunakan sehingga tamat pengajaran.



1.7.5 Teknik Mewarna:

Tiga (3) teknik mewarna akan dinilai melalui kaedah pemerhatian dalam tinjauan ini. Teknik yang dimaksudkan ialah:

- i. Kering atas kering (*dry on dry*) - Warna dari tiub disapukan terus ke atas permukaan kertas lukisan yang kering.





- ii. Kering atas basah (*dry on wet*) - Warna dari tiub disapukan terus ke atas permukaan kertas lukisan yang dibasahkan terlebih dahulu.
- iii. Basah atas kering (*wet on dry*) - Warna dibancuh terlebih dahulu kemudian disapukan ke atas permukaan kertas lukisan yang kering.

1.8 Definisi Istilah

Definisi istilah yang dimaksudkan oleh penyelidik ialah perkataan atau frasa yang sering digunakan dalam kajian ini membawa maksud tertentu dan berkaitan dengan tajuk kajian sahaja.

1.8.1 Tinjauan – perbuatan meninjau / memerhatikan (melihat-lihat) sesuatu dari tempat yang tinggi atau dari jauh (Kamus Dewan. 1996).

1.8.2 Kefahaman – Keupayaan (kemampuan) memahami, atau faham atau tidak (seseorang) akan sesuatu yang dipelajari.

1.8.3 Kemahiran – Kecekapan, kepandaian atau mempunyai kemahiran dalam sesuatu perkara. Kemahiran yang dimaksudkan oleh penyelidik dalam kajian ini menjurus kepada kemahiran teknik-teknik mewarna dan pengolahan warna dalam mata pelajaran Pendidikan Seni.

1.8.4 Pelajar-pelajar Tingkatan Dua – Pelajar-pelajar berbilang kaum utama seperti Melayu, India dan Cina yang sedang mengikuti pendidikan formal di sekolah bantuan kerajaan. Mereka telah pun mengikuti pendidikan formal selama enam (6) tahun peringkat sekolah rendah dan sedang mengikuti peringkat



Menengah Rendah di sekolah Menengah Kebangsaan. Pelajar-pelajar yang dijadikan sampel adalah terdiri daripada pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

1.8.5 Pengetahuan – Perihal mengetahui , apa-apa yang diketahui atau dipelajari berkaitan dengan sesuatu tajuk.

1.8.6 Proses Pengajaran dan Pembelajaran - Pelaksanaan kurikulum dalam bilik darjah, makmal, bengkel seni dan ruang pembelajaran dalaman lain. Proses ini dimaksudkan orang yang menyampaikan (Guru) dan orang yang menerima pelajaran (pelajar).

1.8.7 Reaksi – gerakan atau aksi yang lahir kerana sesuatu pengaruh (tindakan). Reaksi (pengaruh) dimaksudkan dalam kajian ini ialah warna cat air.

1.8.8 Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah Pendidikan Seni – Sukatan Pelajaran yang dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 1988.

1.8.9 Unsur Seni - Bahagian (yang terkecil) daripada sesuatu benda; salah satu cabang Asas seni reka terdiri daripada Garisan, Warna, Jalinan, Rupa, Bentuk dan Ruang.

1.8.10 Warna Cat Air - Warna yang berasaskan air yang digunakan oleh pelajar semasa proses pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Seni. Warna cat air yang dimaksudkan ialah sejenis bahan yang dicampuri cecair digunakan dalam lukis-melukis (Kamus Dewan, 1996:198). Warna cat air berkenaan sedia ada di pasaran dalam bentuk tiub atau botol kecil. Jenama cat air tidak menjadi keutamaan untuk tinjauan ini.